



**Ahmad Faizal (kanan) beramah mesra bersama penghantar makanan pada pra-pelancaran Warong Rider di Ipoh, semalam.**

(Foto Sharul Hafiz Zam/BH)

## Perak lancar Warong Rider

**Ipoh:** Perak menjadi negeri pertama melancarkan perkhidmatan penghantaran baharu dikenali Warong Rider yang memberi fokus bagi membantu peniaga kecil, sekali gus menjana peluang pekerjaan terutama kepada mereka yang terjejas berikutan pandemik COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia negeri, Khairul Shahril Mohamed, berkata perkhidmatan dilaksanakan inisiatif daripada Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia dengan kerjasama Creative Technology Sdn Bhd serta mendapat sokongan kerajaan negeri melalui Digital Perak.

Katanya, inisiatif Warong Rider dijangka dapat menjana

1,200 peluang pekerjaan kepada rakyat Perak, khususnya golongan asnaf, menganggur dan kumpulan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

“Kadarnya lebih rendah dan perkhidmatannya lebih mesra pengguna dalam konteks semua perkara kerana ia bukan sekadar terhad kepada beberapa produk tetapi juga kepada semua produk perkhidmatan.

“Kalau ada pihak yang hendak meminta perkhidmatan untuk menghantar barangan ataupun dokumen dan sebagainya kita juga menyediakan perkhidmatan ini,” katanya pada sidang media selepas pra-pelancaran perkhidmatan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini, semalam.